



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No. Ruj.: 03/19/03

Untuk siaran segera

Bank Negara Malaysia Menganjurkan Karnival Kewangan Terengganu di TH Hotel and Convention Centre dari 4 – 6 April

Bank Negara Malaysia (BNM) akan menganjurkan Karnival Kewangan Terengganu (Karnival) dari 4 hingga 6 April di TH Hotel and Convention Centre, Kuala Terengganu. Karnival ini meneruskan perjalanan ke Pantai Timur selepas negeri Sabah, Sarawak dan utara Semenanjung yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran berhubung dengan produk dan perkhidmatan kewangan, celik kewangan dan memperkukuhkan keupayaan pengurusan kewangan dalam komuniti di Pantai Timur menerusi pusat sehati untuk belajar sambil berhibur (*edutainment*).

Bertemakan "Utamakan Keperluan Kewangan Anda", Karnival Kewangan Terengganu membawa bersama lebih 45 institusi kewangan dan agensi kerajaan dalam mempamerkan pelbagai produk dan perkhidmatan kewangan. Ini termasuk produk perbankan Islam, pembiayaan PKS, perlindungan insurans / takaful dan e-pembayaran. Masyarakat tempatan akan mendapat pencerapan mendalam tentang pelbagai perihal berkaitan kewangan seperti perancangan kewangan, penipuan kewangan dan saluran bantuan penyelesaian kewangan.

Karnival mesra keluarga ini akan menawarkan pelbagai aktiviti termasuk Forum Perdana mengenai kewangan dan hal ehwal Islam, *pocket talks*, aktiviti kanak-kanak dan hadiah sehingga RM150,000. Aktiviti menarik yang lain termasuk sesi perkongsian istimewa oleh pengembara selebriti dan hos, Mat Dan dan artis rap, Caprice serta konsert mini oleh Aiman Tino dan Shafiq Farhain.

Selain itu, siri jerayawara (*roadshows*) akan dianjurkan untuk mempromosikan Karnival yang bertajuk "Sembang Santai Bersama Rakan-Rakan Karnival Kewangan" di 11 lokasi di Pahang, Terengganu dan Kelantan. *Roadshows* ini akan diadakan dari 18 hingga 31 Mac:

No	Negeri	Daerah/Bandar	Lokasi	Tarikh
1	Pahang	Gambang	Dewan Astaka, Universiti Malaysia Pahang, Kampus Gambang	18 Mac
2	Pahang	Jengka	Dewan Semai Bakti, Felda Jengka 11	19 Mac
3	Terengganu	Dungun	Dewan Orang Ramai Ketengah Jaya 1, Bandar Ketengah Jaya	20 Mac
4	Kelantan	Kota Bharu	Kompleks Balai Islam, Lundang	21 Mac
5	Terengganu	Kuala Nerus	Dewan Gemilang, UniSZA Kampus Gong Badak	24 Mac
6	Terengganu	Kuala Nerus	Dewan Auditorium Mahyuddin Universiti Malaysia Terengganu	
7	Terengganu	Setiu	Dewan Majlis Daerah Setiu Sg Tarom	25 Mac
8	Terengganu	Besut	Dewan Majlis Daerah Besut, Kg Gong Kemuntung	26 Mac
9	Terengganu	Hulu Terengganu	Dewan Majlis Daerah Hulu Terengganu	27 Mac
10	Terengganu	Marang	Dewan Majlis Daerah Marang	28 Mac
11	Kelantan	Pengkalan Chepa	Dewan Utama, Universiti Malaysia Kelantan, Kampus Kota	31 Mac

"Karnival Kewangan akan menjelajah seluruh Pantai Timur sebelum berakhir di Kuala Terengganu selama tiga hari. Ia penting untuk memastikan rakyat Pahang, Kelantan dan Terengganu mendapat manfaat daripada kesedaran produk dan perkhidmatan kewangan yang disediakan," kata Datin Arlina Ariff, Pengarah LINK dan Pejabat Bank Negara Malaysia.

Untuk maklumat lanjut, layari www.karnivalkewangan.com.my atau hubungi Pejabat BNM Kuala Terengganu di 09-622 0571.

Bank Negara Malaysia
13 Mac 2019